

Tuduh punca kalah: Dr. M tidak dendam Samy
Utusan Online
09 April, 2012

PUTRAJAYA 9 April – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak pernah menaruh sebarang dendam dengan Datuk Seri S. Samy Vellu berikutan kenyataan terbaru bekas Presiden MIC itu yang menuduh beliau menjadi punca kekalahannya dalam Pilihan Raya Umum ke-12.

Bagaimanapun Dr. Mahathir mengakui beliau tidak berapa setuju dengan tindakan bekas Menteri Kerja Raya itu membuang mana-mana pemimpin India yang dilihat berpotensi mencabar kedudukannya sebagai pemimpin kaum itu semasa Samy berkuasa.

“Saya tidak menyuruh pengundi di Sungai Siput tidak mengundi Samy tetapi saya membuat kritikan terhadap kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika itu dan ia memberi eksan kepada pengundi serta menyebabkan mereka tidak menyokong Barisan Nasional (BN) dan juga Samy,” katanya pada sidang akhbar di sini hari ini. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0409&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_11.htm